

24 JUL 1999

Mahathir-Perwaja

KEPUTUSAN MENGENAI PERWAJA DIBUAT SECARA KOLEKTIF, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Semua keputusan melibatkan Perwaja Steel Sdn Bhd dibuat secara kolektif oleh kerajaan persekutuan, dan dengan itu, bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim juga terbabit, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dia boleh bawa ke mahkamah jika dia mahu," kata Dr Mahathir merujuk kepada laporan polis yang dibuat oleh Anwar yang mendakwa Perwaja menanggung kerugian sebanyak RM2,985 juta dan mengaitkan nama Dr Mahathir dalam laporan itu.

"Dia tidak boleh berkata bahawa walaupun dia dalam kerajaan tetapi dia tidak bersetuju. Jika dia tidak bersetuju, dia mesti bantah," kata Perdana Menteri pada sidang berita selepas merasmikan persidangan perwakilan Gerakan di sini hari ini.

Begitu juga dalam kes Putrajaya dan kediaman Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata setiap wang yang dibelanjakan bagi projek itu perlu dipersetujui oleh Menteri Kewangan.

"Juga semua kertas kabinet yang membabitkan kewangan mesti melalui menteri berkenaan dan dipersetujui oleh Anwar," katanya.

Dr Mahathir berkata Kementerian Kewangan di bawah Anwar ketika itu, tidak pernah menyebut mengenai membina sebuah "mahligai" dan tidak pernah membantah projek empangan hidro elektrik Bakun.

Dia (Anwar) sepanjang masa menyokong kerajaan semasa dia berada dalam kerajaan, katanya.

"Jika mahligai dibina, ia dibina kerana dia membenarkan wang itu dibelanjakan...oleh itu dia bersalah," kata Perdana Menteri.

Ditanya mengenai prestasi pasaran saham, Dr Mahathir berkata beliau tidak bimbang kerana pasaran yang naik dan turun adalah sihat.

Mengenai faktor yang perlu diambil kira sebelum membubarkan Parlimen, beliau berkata banyak perkara dipertimbangkan "tetapi yang penting sekali ialah kita nak tentukan kemenangan yang maksimum. Kita boleh menang sekarang ini tetapi kita nak yang maksimum."

Dr Mahathir berkata BN mahukan majoriti yang besar bagi memastikan negara akan terus mempunyai kerajaan yang kuat dan stabil dan bukan kerana ia mahu mengubah perlembagaan.

"Jika ia majoriti kecil, ia menjadi ancaman kepada kerajaan. Malah jika sebilangan kecil penduduk tidak puas hati mereka boleh bertindak dan kerajaan akan tumbang...kita tidak mahu ia berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira dengan tahap sokongan rakyat terhadap kerajaan sekarang.

Mengenai sebilangan orang yang dikatakan menahan diri daripada menyatakan sokongan mereka, beliau berkata ini kerana mereka keliru dan "orang begini berfikir bahawa saya memberi layanan buruk kepada Anwar manakala yang lain memainkan isu keagamaan."

Mengenai kebimbangan bahawa sesetengah orang tidak berfikiran ke hadapan, Dr Mahathir berkata strategi PAS ialah bagi mempengaruhi mereka sejak mereka masih muda, iaitu dari tadika ke universiti dan luar negara.

Ramai daripada mereka yang belajar di luar negara terbabit umpamanya dalam Majlis Revolusi Islam dan disemai dengan semangat anti-pembangunan, katanya.

Sungguhpun mereka mendapat bantuan kerajaan tetapi apabila mereka balik ke negara ini, mereka memikirkan cara mana menolak pembangunan itu.

"Orang seperti ini kebiasaannya menyokong PAS dan apabila ditanya

mengapa mereka berbuat demikian, mereka tidak dapat memberikan jawapan," katanya.

Mengenai tanggapan kononnya pelajar diasingkan daripada pemimpin kerajaan, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mahu mengganggu pelajar dan mahu mereka terutama pelajar Bumiputera menumpukan perhatian kepada pelajaran.

"Tetapi kini kelihatan seperti jika kita tidak mahu mendampingi mereka, pembangkang akan menggunakan peluang itu untuk meracuni fikiran mereka. Sekarang saya dapati mereka membenci kerajaan tanpa sebab.

" Mereka mendapat biasiswa kerajaan, jawatan dalam kerajaan dan segala bantuan daripada kerajaan tetapi mereka diberitahu supaya tidak mengenang budi kerajaan, membenci kerajaan. Kita mesti membetulkan mereka," katanya.

Mengenai cadangan supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti dikaji semula, Perdana Menteri berkata akta itu bertujuan mendatangkan kebaikan kepada pelajar kerana ia akan menghalang orang daripada mengganggu mereka dan menghalang mereka daripada membabitkan diri dalam aktiviti tidak berfaedah.

-- BERNAMA

SHO MAM LAT MAI